

Headline **Koleksi amal**
Date **13 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **395 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,379**
PRValue **25,136**



Headline **Koleksi amal**
Date **13 Jan 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **395 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,379**
PRValue **25,136**



Jimmy Choo bantu wanita hadapi trauma penderaan seksual

WANITA yang menjadi mangsa keganasan seksual lazimnya mengalami trauma akibat apa yang berlaku. Lebih menyedihkan apabila ada di antara mangsa khususnya membabitkan kes rogol disahkan menghidap HIV dan terpaksa menjalani rawatan perubatan PEP (Post Exposure Prophylaxis) berterusan. Pastinya, apa yang berlaku

adalah hal yang memilukan. Setidak-tidaknya, masyarakat perlu membantu dengan meningkatkan kesedaran bahawa HIV juga bukanlah disebabkan sebahagian daripada pengalaman ngeri itu.

Bagaimanapun, mangsa yang terdedah kepada jangkitan HIV perlu mendapatkan rawatan segera berhubung kepentingan dan keperluan hidup yang harus diberikan dalam masa 72 jam pertama selepas terdedah kepada jangkitan berkenaan. Bagi membantu mereka mendapatkan rawatan secara terus-menerus, klinik yang mengendalikan rawatan berkenaan perlu dibuka 24 jam sehari tanpa cuti.

Sehubungan itu, menyenamlatkan mangsa dan menghargai wanita seluruh dunia, jenama kasut dan beg tangan terkemuka, Jimmy Choo menganjurkan kempen media sosial bertajuk *You, Your Shoes and 72 (Anda, Kasut Anda dan 72)*. Kempen berkenaan bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap mangsa keganasan perkosaan dengan melancarkan koleksi Project PEP yang dilancarkan awal November lalu.

Project PEP adalah koleksi khas berteraskan kebajikan. Jimmy Choo menampilkan koleksi beg tangan dan sepatu edisi

terhad dengan memaparkan koleksi berbeza dengan gabungan motif cetak bagi mewakili semangat individu yang gemar bergaya.

Namun, berdasarkan hasil jualan bersih koleksi berkenaan, sebanyak 25 peratus daripada hasil jualan koleksi Project PEP akan disumbangkan kepada Elton John AIDS Foundation. Dana yang diperoleh Elton John AIDS Foundation itu secara langsung membantu pusat kebajikan, Simelela Rape Centre terletak di Cape Town yang ditubuh pada 2005.

Simelela Rape Centre mempunyai misi tersendiri iaitu membantu mangsa rogol dengan memberikan bantuan perubatan PEP bagi mencegah HIV. Selain bantuan perubatan, pusat berkenaan turut menyediakan infrastruktur dan khidmat kaunseling serta sokongan moral kepada mangsa.

Dana bantuan Project PEP itu sedikit sebanyak akan dapat membantu membolehkan klinik di Simelela Rape Centre dibuka untuk khidmat rawatan selama 24 jam setiap hari.

Pengasas dan Presiden Jimmy Choo, Tamara Mellon, bekerjasama dengan badan amal berkenaan dengan mengusahakan projek lelong *Four Inches* sebagai bantuan meningkatkan dana pertama untuk pusat kebajikan Simelelala khusus untuk wani-

ta yang memerlukan bantuan meneruskan hidup.

"Kami mahu membantu wanita, malah bangga untuk melanjutkan kerjasama bersama inisiatif Elton John AIDS Foundation selain menyediakannya hak istimewa wanita di Afrika Selatan. Kami teruja untuk memulakan kempen media sosial itu kerana ia mampu menyenangkan dan cara memenangi hati mereka," katanya.

Lantaran itu, menyokong usaha berkenaan Jimmy Choo menggalakkan orang ramai menyertai kempen berkenaan dengan menyertai pertandingan foto bersama nombor 72 bagi meningkatkan kesedaran kesihatan mangsa HIV selama 72 jam selepas terdedah kepadanya.

Selari dengan slogan pertandingan bertajuk 'Anda, Sepatu Anda Dan 72' itu akan menampilkan gambar pemenang menerusi laman web www.jimmychoo72.com. Lebih 100 pemenang akan dipilih memenangi produk berkisar Project PEP dan jenama berkenaan menawarkan tujuh pasang kasut dan dua tas tangan Jimmy Choo sebagai hadiah.

Untuk sebarang maklumat lanjut boleh melayari laman web www.jimmychoo.com.